

PM: Nilai ringgit tidak berubah

UM 13 JAN 2002

Oleh MOHD. ASUKI ABAS

SEPANG 12 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini sekali lagi mengulangi pendirian bahawa Malaysia tidak akan mengubah nilai penetapan ringgit terhadap dolar Amerika Syarikat.

Perdana Menteri yang kesal terhadap laporan sesetengah akhbar mengenai perkara itu berkata, beliau tidak pernah menyatakan akan mengubah penetapan ringgit sebaliknya hanya akan melihat serta mengkaji kesan penurunan mata wang negara lain.

“Apa yang saya kata ialah sekiranya yen turun dan China mengkaji semula mata wang mereka, kita mungkin terpaksa memeriksa, bukannya mengubah nilai.

“Syarat kita ialah jika nilai mata wang negara-negara jiran naik atau turun sebanyak 20 peratus dan kekal di tahap itu (untuk jangka masa yang lama), barulah kita akan menimbang-kan untuk mengubah nilai ringgit,” katanya kepada pemberita di kompleks landasan udara Express Rail Link Sdn. Bhd. (ERL) di sini hari ini.

Sebelum itu, Perdana Menteri melakukan lawatan dan menaiki kereta api laju ERL dari Kuala Lumpur Sentral (KL Sentral) ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Semalam, Dr. Mahathir dipetik sebagai berkata, penurunan berterusan yen Jepun akan membawa kepada semakan semula tabatan ringgit berbanding dolar Amerika.

Malaysia menetapkan ringgit

pada paras RM3.80 berbanding dolar Amerika ketika kemuncak krisis serantau Asia untuk mengekang serangan spekulatif terhadap mata wang tempatan itu.

Sejak dua bulan lalu, yen menyusut sebanyak 10 peratus berbanding dolar Amerika. Dolar Amerika ketika ini diniagakan sekitar 132 yen.

Menurut Perdana Menteri, ringgit berada dalam kedudukan yang baik pada paras RM3.80 bagi setiap dolar AS dan tidak memberikan masalah kepada sesiapa.

“Tolong betulkan laporan (media) anda, jangan kata saya men-cadangkan untuk mengubah nilai ringgit,” tegas Perdana Menteri.